


Newspaper	Sinar Harian
Date	19/07/2017B



## 'Anwar PM kalau itu rakyat mahu'

Sinar Harian - 19/7/2017 Pg. 2

PUTRAJAYA - Pakatan Harapan tidak menamakan calon Perdana Menteri kerana ingin memberi kejutan kepada BN dan membiarkan parti lawan terus berteka-teki.

Pengerusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, itu adalah salah satu strategi mereka.

"Ini adalah salah satu strategi politik kami. Kami nak buat kerajaan terkejut dengan tidak menamakan calon Perdana Menteri sekarang.

"Kita akan umumkan siapa calon Perdana Menteri pada bila-bila masa," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan bersetuju sekiranya ketua umum Harapan, Datuk Seri Anwar Ibrahim

menjadi calon Perdana Menteri, Mahathir menjawab, beliau menyerahkan keputusan itu kepada rakyat.

"Sekiranya itu yang rakyat mahukan (Anwar sebagai calon Perdana Menteri), kenapa tidak," katanya.

Sementara itu Mahathir berkata, kedudukannya dalam blok pembangkang secara 'tidak rasmi' sama seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Saya salah seorang pemimpin. Sebagai pengerusi saya akan memperkerusi Majlis Presiden.

"Dalam hierarki Harapan, saya-lah *top dog* (pemimpin dominan)," katanya.